

→ WILAYAH



[FOTO MUHD ASTYRAF SAWAL/BH]

Fadzil (tengah)
bersama peserta
program Latihan
Kemahiran Industri
ECRL di UMP
kampus Gambang,
semalam.

700 bakal ditawar sertai PLKI-ECRL

● Program
sasar 150
graduan dari
pelbagai IPT

Oleh Nurul Nadira Shaari
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Seramai 700 pelajar lepasan ijazah sarjana muda, diploma dan sijil kemahiran akan ditawarkan mengikut Program Latihan Kemahiran Industri

Rangkaian Rel Pantai Timur (PLKI-ECRL) sepanjang tahun ini.

Mereka yang mempunyai latar belakang bidang teknikal dan kejuruteraan, khususnya berkaitan bidang mekanikal, elektrikal dan sivil akan dipilih selepas sesi temu duga dan pemilihan oleh syarikat Malaysian Rail Link Sdn Bhd (MRL).

Pengarah Akademi Industri Rel (RIA) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr Fadzil Mat Yahaya berkata, projek berkenaan menyasarkan 150 graduan dari pelbagai institusi pendidikan tinggi (IPT) seluruh negara menyertai sesi temu duga bagi pengambilan pelatih bagi sesi kerja yang dijalankan bermula kelmarin.

Katanya, mereka terpilih bagi sesi pengambilan kedua akan menjalani latihan selama tiga bulan bermula Februari ini sebelum diberi sijil tamat kursus latihan.

187 pelatih sesi pertama

"Silibus PLKI-ECRL dibentuk secara bersama antara UMP, MRL dan China Communications Construction Group Ltd (CCCC)."

"Pengambilan sesi pertama tahun lalu menyaksikan 187 pelatih berjaya mengikuti program latihan ini merangkumi 49 lepasan ijazah dan diploma serta 28 lepasan sijil di UMP, 54 lepasan sijil di Institusi Latihan Kemahiran Bella dan Sukan (ILKS) Bachok dan 56 lepasan sijil di Akademi Binaan

Malaysia (ABM)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada sesi temu duga PLKI-ECRL di UMP kampus Gambang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Profesor Dr Rizalman Mamat.

Peserta, Wan Hazida Wan Harun, 24, berkata projek berkenaan memberi peluang kepada graduan lepasan universiti seperti pernah mendapat pekerjaan dalam industri berkaitan kejuruteraan dan teknikal.

Beliau yang juga graduan lepasan sarjana muda Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berkata, projek mega yang dilaksanakan projek rel ini berjalan lancar dan mencapai matlamat pelaksanaannya," katanya.

lebih ramai graduan dalam bidang berkaitan untuk mencari pengelaman, sekali gus meningkatkan pengetahuan dalam industri rel.

Graduan lepasan Diploma Teknologi Kejuruteraan Bangunan, Muhd Syarifuddin Zanal, 22, berkata peluang menyertai program berkenaan adalah langkah pertama untuk dia menggunakan kemahiran sedia ada yang dipelajari di Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) sebelum ini.

"Sayu yakin dengan pengetahuan dan kemahiran dipelajari sebelum ini dapat digunakan sepenuhnya dalam menjadikan projek rel ini berjalan lancar dan mencapai matlamat pelaksanaannya," katanya.